

Ruj. Kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 9 (14)
Tarikh : 11 Mei 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Profesor/ Dr./ Tuan/ Puan

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2021 MENGENAI
OPERASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMASA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) BERMULA 12 MEI HINGGA 7 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 4 Tahun 2021 mengenai Operasi Universiti Malaysia Pahang Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bermula 12 Mei Hingga 7 Jun 2021 untuk makluman YBhg. Dato'/ Datin/ Profesor/ Dr./ Tuan/ Puan .

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi saya di talian 09-4245291 atau melalui emel mizzat@ump.edu.my.

Kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Profesor/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD IZZAT BIN SHAFIE @ MOHD ALIAS
Eksekutif
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
b/p : Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YBhg. Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Bin Wan Yusoff**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Bin Hainin**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Hazmin Bin Aris**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Encik Azman Bin Abdul Rahim**
Ketua Pustakawan
8. Ketua Jabatan Perundangan

Penolong Naib Canselor / Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit

9. **Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Binti Noordin**
Penolong Naib Canselor
Jabatan Pembangunan Graduan
10. **Profesor Dr. Abdullah Bin Ibrahim**
Dekan Kanan
Kolej Teknologi Kejuruteraan
11. **Profesor Ts. Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah**
Dekan Kanan
Kolej Komputeran & Sains Gunaan
12. **Profesor Madya Dr. Hasan Bin Ahmad**
Dekan Kanan
Kolej Pengurusan & Kemanusiaan
13. **Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki Bin Nik Mohamed**
Dekan
Kolej Kejuruteraan
14. **Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)

- 15. Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
- 16. Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)
- 17. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 18. Profesor Madya Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 19. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Dekan
Fakulti Komputeran (FCom)
- 20. Profesor Madya Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**
Dekan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 21. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**
Dekan
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 22. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 23. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**
Dekan
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 24. Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Dekan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 25. Profesor Madya Dr. Roslinazairimah binti Zakaria**
Dekan
Pusat Diploma dan Asasi (PDA)
- 26. YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- 27. Profesor Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman**
Dekan
Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi

- 28. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**
Dekan
Pengkomersialan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 29. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Dekan
Inovasi Industri
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 30. Dr. Ahmad Johari Bin Mohamad**
Dekan
Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 31. Profesor Madya Dr. Mansor Bin Sulaiman**
Dekan
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 32. Encik Irman Bin Khalil**
Menjalankan Tugas
Pengarah/Ketua Pegawai Maklumat,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 33. Profesor Madya Dr. Chong Kwok Feng**
Pengarah/Ketua Pegawai Strategi,
Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK)
- 34. Profesor Madya Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 35. Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Bin Che Ghani**
Pengarah
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
- 36. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti
- 37. Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)
- 38. Profesor Madya Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 39. Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**
Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)

- 40. Encik Helmi Bin Mohamed Isa**
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik (PPKA)
- 41. Profesor Madya Ts. Dr. Aishah Binti Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 42. Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Institut Confucius
- 43. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**
Pengarah
Pusat Kerjasama Akademik Jerman
- 44. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**
Pengarah
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi - PRInT
- 45. Profesor Madya Ir. Dr. Chin Sim Yee**
Pengarah
Pusat Usahasama Strategik Akademik (PUSA)
- 46. Profesor Madya Dr. Irene Ting Wei Kiong**
Pengarah
Pusat Penempatan & Pembangunan Kerjaya
- 47. Profesor Madya Ts. Dr. Hadi Bin Manap**
Pengarah
Pusat Keusahawanan
- 48. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 49. YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Bin Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Sukan dan Kebudayaan
- 50. Dr. Munira Binti Abdul Razak**
Pengarah
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 51. Ir. Ts. Dr. Siti Zubaidah Binti Sulaiman**
Pengarah
Bahagian Perhubungan Alumni

- 52. Ts. Dr. Mohd Razali Bin Hanipah**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 53. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**
Pengarah
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 54. Sr. Dr. Ngahzaifa Binti Ab Ghani**
Pengarah
Pusat Pembangunan Perisian & Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian)
- 55. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 56. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)
- 57. Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Biosains Tropika Termaju (Pusat Biotropik)
- 58. Encik Muhammad Azli Bin Shukri**
Pengarah
Penerbit UMP
- 59. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- 60. YBhg. Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Bin Hashim @ Wan Husain**
Pengarah
Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS)
- 61. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
- 62. Encik Kasran Bin Abdullah**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
- 63. Dr. Fatmawati Binti Latada**
Ketua
Unit Perundingan dan Bantuan Staf
- 64. Cik Noriza Binti Hassan**
Ketua
Unit Integriti dan Pematuhan
- 65. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor

- 66. Encik Abd Rahman bin Haji Safie**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
- 67. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**
Pengurus
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 68. Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 69. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Graduan
- 70. Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar
- 71. Encik Ahmad Fauzi Bin Ahmad Bakti**
Ketua
Bahagian Keselamatan
- 72. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum**

Anak Syarikat UMP

- 73. Tuan Ir. Dr. Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings & Kumpulan
- 74. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed**
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced Education



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4 TAHUN 2021

OPERASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERMULA 12 MEI HINGGA 7 JUN 2021

1. TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan operasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaras dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 12 Mei hingga 7 Jun 2021.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Kerajaan melalui kenyataan media Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Mei 2021 telah memaklumkan berkenaan keputusan MKN untuk melaksanakan PKP di seluruh negara bermula pada 12 Mei hingga 7 Jun 2021 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam masyarakat dan menghalang kenaikan kes secara mendadak.

2.2. Selari dengan situasi semasa yang menyaksikan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia amnya dan di Negeri Pahang khasnya, maka warga UMP diminta untuk mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan semasa melaksanakan setiap aktiviti di dalam dan di luar kampus iaitu:

- i. Memakai pelitup muka (*face mask*).
- ii. Mematuhi penjarakan fizikal.

- iii. Mencuci tangan dengan kerap.

3. PELAKSANAAN

3.1. Kehadiran Bekerja

- i. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dibenarkan beroperasi dengan kehadiran tidak lebih tiga puluh peratus (30%) melalui sistem Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Sistem Penggiliran serta mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh pihak MKN dan UMP.
- ii. Bagi Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*) seperti Kesihatan, Keselamatan, Pos/Kurier, Bekalan Makanan, Perkhidmatan Elektrik/Tenaga/Air/Pembersihan Dalam Kampus/Pembaikan Kritikal beroperasi seperti biasa mengikut arahan Ketua Jabatan masing-masing. Kapasiti kehadiran staf bagi Perkhidmatan Perlu terhadap kepada staf yang perlu hadir secara fizikal ke tempat kerja bagi tujuan pelaksanaan tugas.
- iii. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa prestasi penyampaian perkhidmatan di PTJ tidak terjejas dengan kelulusan kehadiran bekerja yang diberi kepada staf di bawah seliaan masing-masing.
- iv. Pergerakan staf untuk merentas daerah bagi tujuan ke pejabat di UMP Kampus Gambang atau UMP Kampus Pekan perlu dilampirkan bersama dengan dokumen pengesahan majikan dari Ketua Jabatan masing-masing.
- v. Pergerakan keluar masuk staf ke kampus adalah dihadkan melalui pintu masuk terkawal yang telah ditetapkan.

3.2. Penggunaan Aplikasi MySejahtera

- i. Staf UMP yang hadir bertugas dan pelajar yang berada di dalam UMP dikehendaki untuk membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera dengan mengimbas kod QR MySejahtera di setiap pintu masuk pejabat dan ruang guna sama.
- ii. Staf UMP adalah digalakkan untuk mewujudkan kod QR MySejahtera di setiap bilik pegawai dan pensyarah bagi memudahkan proses pengesanan sekiranya berlaku kes jangkitan dan sebagai amalan terbaik.
- iii. Proses mewujudkan kod QR MySejahtera adalah seperti langkah berikut:
 - a. Daftarkan premis (pejabat/ruang guna sama/bilik) di <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/checkin/>.
 - b. Masukkan nombor telefon bimbit dan tekan 'Daftar'.
 - c. Masukkan *one-time password* (OTP) yang diterima melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).
 - d. Isi butiran pendaftaran premis (pejabat/ruang guna sama/bilik) dan tekan butang 'Hantar'.
 - e. Muat turun dan cetak kod QR MySejahtera yang diterima.
 - f. Tampal di pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelawat.
- iv. Ketua Jabatan hendaklah memastikan penggunaan aplikasi MySejahtera dilaksanakan di jabatan masing-masing.

3.3. Majlis Rasmi Dan Tidak Rasmi

Semua penganjuran majlis rasmi dan tidak rasmi yang berbentuk perhimpunan sosial adalah tidak dibenarkan.

3.4. Mesyuarat

- i. Mesyuarat secara bersemuka dan melibatkan kehadiran wakil agensi luar adalah tidak dibenarkan dan perlu dilaksanakan secara sidang video.

- ii. Mesyuarat dalaman UMP adalah disarankan untuk dilaksanakan secara sidang video.
- iii. Sekiranya mesyuarat perlu dilakukan secara bersemuka, penganjur perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - a. Mewajibkan pendaftaran kod QR MySejahtera.
 - b. Menyediakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).
 - c. Mewajibkan pemakaian pelitup muka (*face mask*).
 - d. Mematuhi penjarakan fizikal.

3.5. Latihan Dan Pameran

Semua penganjuran dan penyertaan latihan (seminar/ bengkel/kursus/persidangan/ceramah) dan pameran secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

3.6. Sukan Dan Rekreasi

Semua aktiviti sukan dan rekreasi adalah tidak dibenarkan kecuali sukan dan rekreasi individu di kawasan terbuka seperti jogging, berbasikal dan senaman dengan mengamalkan penjarakan fizikal.

3.7. Operasi Kafeteria

- i. Aktiviti penjualan makanan dan minuman dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran.
- ii. *Dine-in* di kafeteria adalah tidak dibenarkan.

3.8. Aktiviti Agama Islam

Aktiviti agama Islam seperti Solat Jumaat, solat berjemaah dan majlis ilmu di masjid atau surau adalah dibenarkan mengikut ketetapan pihak Berkuasa Agama Negeri yang diselaraskan oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

3.9. Operasi Taska Dan Tadika

Taska dan tadika dibenarkan beroperasi dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian/ Agensi berkaitan.

3.10. Aktiviti Akademik, Penyelidikan Dan Pelajar

- i. Sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar yang berada di rumah adalah diteruskan secara dalam talian mengikut kalendar akademik semasa.
- ii. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar berkeperluan khas (6 Kategori) yang berada di dalam kampus akan diadakan secara dalam talian sepenuhnya kecuali aktiviti makmal dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
- iii. Aktiviti pelajar pulang ke kampus sempena cuti Hari Raya Aidilfitri 2021 kekal seperti mana perancangan asal.
- iv. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1. Pekeliling pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 atau sehingga pihak kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu mengenai tempoh pelanjutan atau penamatan.
- 4.2. Penguatkuasaan pekeling ini, membatalkan surat edaran rujukan UMP.02.01/10.12/2 Jilid 09 (13) bertarikh 9 Mei 2021, Arahan Pengoperasian Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Kuantan Mulai 10 Mei 2021 hingga 23 Mei 2021

5. PEMATUHAN

- 5.1. Pekeliling ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pekeling ini dan tindakan bersesuaian mengikut peraturan universiti boleh dikenakan.
- 5.2. Pekeliling ini terpakai kepada warga UMP dan untuk edaran dalaman sahaja.
- 5.3. Sebarang perubahan kepada pekeling ini adalah tertakluk kepada keputusan yang akan dimaklumkan oleh pihak pengurusan universiti.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 11 Mei 2021